

Jana lebih RM1.2b



Kuala Lumpur: Pengusaha kilang kelapa sawit berpeluang meraih pendapatan tambahan lebih tinggi sehingga RM1.2 bilion setahun menerusi pemasangan sistem AquaEco-SRORS yang diperkenalkan Aqua Ecotech Sdn Bhd (AquaEco).

Sistem berkenaan berfungsi menapis sehingga 80 peratus sisa sawit mentah yang mana akan meningkatkan kadar perahan minyak (OER) antara 0.4 peratus hingga 0.6 peratus.

Pengarah AquaEco, Andrew Liew berkata, amalan biasa dalam proses mengekstrak sawit membabitkan pembuangan 65 peratus sisa sawit mentah ke dalam kumbahan yang akan mengundang risiko pencemaran air.

“Melalui teknologi yang dibangunkan ini, sisa sawit mentah ini akan diasingkan mengikut peratusan air, pepejal dan minyak.

“Sistem ini menggunakan teknologi membran yang berupaya menapis pepejal dan minyak yang seterusnya diproses kembali menjadi minyak sawit mentah,” katanya pada majlis pelancaran di sini, semalam.

Menurutnya, melalui sistem berkenaan, OER yang dihasilkan mampu ditingkatkan kepada 21.15 peratus, berbanding hasil OER semasa iaitu 20.65 peratus.

“Dengan pelaburan yang dilakukan, pengusaha kilang sawit mampu mendapatkan pulangan pelaburan (ROI) dalam tempoh tiga tahun.

“Kos yang diperlukan adalah sekitar RM5 juta hingga RM12 juta bergantung kepada keperluan kilang,” katanya.

Menurutnya, dua kilang sawit di Sabah dan Perak sudah menggunakan sistem berkenaan dan pihaknya kini giat menjalankan perbincangan dengan empat pengendali kilang sawit.

“Sistem ini sudah dipatenkan dan ia terbukti mampu memberikan pulangan yang tinggi kerana kami mengambil masa lima tahun untuk kajian dan pembangunan (R&D),” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 1 Disember 2016 @ 7:02 AM